

**Assalamualaikum** w.b.t dan jutaan terima kasih kepada Dr. Khairul Nizar Ismail di atas kesudian Dr. meluangkan masa bersama Majalah MyUniMAP. Di sini, MyUniMAP ada beberapa soalan yang akan dikemukakan kepada Dr. bagi menyelami isi hati dan sasaran Dr. sebagai Dekan di Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar.

**Semua orang sedia maklum bahawa Dr. Khairul Nizar merupakan Dekan bagi Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar. Bolehkah Dr. ceritakan mengenai sejarah penubuhan PPK Alam Sekitar dan perkembangannya sehingga kini?**

Usaha penubuhan Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar bermula pada awal tahun 2005 lagi di mana pihak Universiti pada ketika itu telah merancang untuk menambahkan program pengajian di UniMAP selaras dengan keperluan pendidikan negara.

Jabatan Pengajian Tinggi telah meluluskan penubuhan Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar secara rasminya pada 27 Oktober 2005 menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT) Bil 9/2005.

Walaupun bagaimanapun, Pusat Pengajian hanya beroperasi secara rasmi bermula 1 Januari 2006, apabila saya telah diamanah oleh Y.Bhg Dato' Naib Canselor untuk menerajui pusat pengajian baru ini. Sebelum itu, saya bertugas sebagai pensyarah dan Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar & Alumni di Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan, UniMAP.

Bermula dari Januari 2006, Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar terus berkembang sehinggalah ke hari ini. Bermula dengan 3 orang kakitangan yang dipindahkan dari PPK Bahan, kini pusat pengajian mempunyai hampir 41 orang kakitangan yang terdiri daripada kakitangan akademik, pentadbiran dan sokongan yang bertanggungjawab dalam mentadbir dan menguruskan pusat pengajian. Pusat Pengajian mula mengambil pelajar pertama pada sesi kemasukan 2006/2007 seramai 30 orang dan sehingga kini pusat pengajian mempunyai pelajar seramai 323 orang yang mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda.

**Apakah program-program pengajian yang ditawarkan oleh PPK Alam Sekitar dan medium apakah yang diguna oleh PPK Alam Sekitar bagi mempromosikan program-program pengajiannya kepada masyarakat umum?**

Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar menawarkan 2 program Ijazah Sarjana Muda iaitu Sarjana Muda Kejuruteraan Alam Sekitar mulai Julai 2006 dan Sarjana Muda Kejuruteraan Bangunan mulai Julai 2008. Sebagai pusat pengajian baru, kami telah berusaha dengan pelbagai cara untuk mempromosikan program-program yang kami tawarkan. Ini termasuklah melalui ceramah-ceramah promosi yang diadakan di sekolah, pusat matrikulasi dan juga program-program promosi anjuran Kementerian Pengajian Tinggi. Kami juga menganjurkan program kesedaran dan motivasi di pusat pengajian dengan menjemput guru kauseling dan pelajar-pelajar sekolah untuk tujuan promosi. Promosi melalui laman web juga turut diberi penekanan di mana semua maklumat mengenai pusat pengajian boleh di capai melalui website UniMAP atau hiperangkai <http://publicweb.unimap.edu.my/~ppkas/home/>

Pada peringkat awal penubuhan, bilangan pelajar yang memohon untuk mengikuti program-program ini agak terhad. Walaupun bagaimanapun, peningkatan calon mula dilihat mulai sesi 2009/2010 di mana pusat pengajian menerima kemasukan 123 orang pelajar untuk kedua-dua program yang ditawarkan berbanding 140 tempat yang disediakan. Peningkatan didorong oleh peningkatan calon lepasan diploma dari Politeknik dan IPTA lain yang berminat menyambung pengajian di peringkat ijazah sarjana muda di PPK Alam Sekitar.

**Apakah kursus-kursus yang ditawarkan oleh PPK Alam Sekitar dan adakah kursus-kursus yang ditawarkan oleh PPK Alam Sekitar ini menepati kehendak industri dan syarikat multinasional?**

Matlamat utama penubuhan PPK Alam Sekitar adalah untuk menyokong keperluan Pelan Induk Perindustrian Negara di mana pembangunan perlu diseimbangi dengan pemeliharaan alam sekitar dari pencemaran yang dihasilkan daripada aktiviti-aktiviti perindustrian. Oleh yang demikian kursus-kursus yang ditawarkan di pusat pengajian adalah seperti Pencemaran Udara, Pencemaran Bunyi, Rawatan Airsisa, EIA, EMS, Kawalan Proses Alam Sekitar, Undang-undang Alam Sekitar Kesihatan & Keselamatan. Untuk program Kejuruteraan Bangunan, kita menawarkan kursus-kursus yang sesuai dengan industri pembinaan seperti Rekabentuk Bangunan Konkrit, Keluli, Analisis Struktur, IBS, Kejuruteraan Perkhidmatan Bangunan dan lain-lain lagi. Semua kursus yang ditawarkan telah disemak oleh lembaga pengajian dan menepati kehendak industri.

**Apakah kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh PPK Alam Sekitar untuk para pelajar dan kakitangan UniMAP?**

Keselesaan pelajar dan kakitangan adalah merupakan salah satu asas kepada budaya kerja yang cemerlang. Di Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar, kami cuba memberi keselesaan yang sebaik mungkin kepada pelajar walaupun kami beroperasi di sebuah kilang. Kami menyediakan perpustakaan mini yang lengkap dengan internet untuk keselesaan pelajar. Terdapat juga ruang untuk pelajar berinteraksi dengan pensyarah di pejabat am. Pelajar juga boleh merehatkan minda di taman yang disediakan di mana terdapat kolam ikan dan kerusi rehat untuk kegunaan pelajar dan kakitangan. Penjagaan kesihatan adalah penting bagi memastikan kakitangan boleh bekerja dengan baik. PPK Alam Sekitar mempunyai sudut kesihatannya yang sendiri di pejabat am, di mana terdapat peralatan untuk mengukur berat, tinggi dan tekanan darah. Dengan cara ini kakitangan boleh memantau sendiri tahap kesihatan diri sebagaimana yang diamalkan oleh pekerja-pekerja di Jepun.

**Saya pasti setiap kali bermulanya satu tahun yang baru, setiap unit dan jabatan di UniMAP akan merangka aktiviti-aktiviti yang mengisi jadual pergerakan tahunannya. Jadi, apakah aktiviti-aktiviti yang dirangka oleh PPK Alam Sekitar sepanjang tahun 2009 ini?**

Setiap jabatan atau pusat pengajian mempunyai sasaran yang tersendiri bagi penyokong Pelan Strategik UniMAP. Bagi mencapai Objektif Strategik Universiti, pusat pengajian telah merancang pelbagai aktiviti bagi mencapai objektif tersebut. Antara aktiviti-aktiviti yang dirancang adalah seperti mengadakan kursus-kursus jangka pendek, ceramah promosi dan peningkatan kerjaya kakitangan. Bagi memertabatkan budaya penyelidikan di pusat pengajian, setiap tahun pusat pengajian mengadakan pameran penyelidikan sendiri iaitu Environmental Innovation & Technology Exhibition' atau EITEX.

**Apakah strategi atau pendekatan yang digunakan oleh Dr. bagi merealisasikan matlamat yang digariskan oleh PPK Alam Sekitar?**

Pendekatan utama kami bagi merealisasikan matlamat pusat pengajian adalah 'Teamwork' iaitu kerjasama berpasukan. Dalam apa juga tugas, kita akan menghasilkan kerja yang lebih baik

# Dekan Pusat Pengajian kejuruteraan Alam Sekitar DR. KHAIRUL NIZAR ISMAIL

Jika bekerja dalam satu pasukan berbanding bekerja secara individu. Sebagai contoh jika hanya seorang kakitangan di pusat pengajian aktif dalam penulisan jurnal, ia tidak mencukupi untuk mencapai Sasaran Strategik Pusat Pengajian. Sekiranya semua pensyarah menghasilkan jurnal, sasaran pusat pengajian akan berjaya dicapai.

**Apakah kelebihan yang terdapat di PPK Alam Sekitar yang tidak terdapat di PPK dan Fakulti di IPT lain?**

Adalah tidak adil untuk saya membandingkan PPK Alam Sekitar dengan pusat-pusat pengajian lain kerana masing-masing mempunyai kelebihan yang tersendiri sama ada dari segi program, peralatan, pentadbiran, kemudahan dan sebagainya.

Mungkin kelebihan kami adalah beroperasi di bawah satu bumbung iaitu di Kompleks Pusat Pengajian Jejawi 3 atau lebih dikenali sebagai 'Dragon & Phoenix'. Semua kemudahan seperti pejabat am, bilik pensyarah, dewan kuliah, makmal komputer, makmal, kafeteria dan semua kemudahan untuk PPK Alam Sekitar terdapat di sini. Ini memberi keselesaan kepada kakitangan dan pelajar mengikuti aktiviti pembelajaran dan pengajaran dengan sempurna. Susun atur ruang makmal PPK Alam Sekitar lebih teratur dan luas berbanding dengan pusat-pusat pengajian lain yang menggunakan ruang rumah kedai sebagai pejabat dan makmal mereka.

**Setakat hari ini, apakah cabaran dan kekangan yang dihadapi oleh Dr. dan kakitangan PPK Alam Sekitar dalam melaksanakan tugas - tugas yang diamanahkan kepada PPK Alam Sekitar dalam membantu meningkatkan UniMAP setanding dengan universiti yang lebih lama?**

Cabaran utama kami ialah memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan kami iaitu, pelajar, industri, ibubapa, masyarakat dan juga kerajaan. Kami cuba sebaik mungkin untuk menghasilkan pelajar yang cemerlang bukan sahaja dalam bidang akademik tetapi juga dalam sahsiah diri. Untuk menghasilkan graduan yang cemerlang semestinya memerlukan pensyarah, peralatan dan infrastruktur yang baik. Walaubagaimana pun, semua kekangan ini tidak menjadi halangan kepada kami di PPK Alam Sekitar untuk memastikan objektif penubuhan pusat pengajian tercapai. Jika kita berjaya menghasilkan graduan yang diterima oleh masyarakat dan industri, maka kita mampu untuk bersaing dengan universiti lain yang telah lama ditubuhkan.



**Apakah yang Dr. harapkan dari PPK Alam Sekitar untuk jangka masa 10 tahun dari sekarang?**

Sebagai Dekan PPK Alam Sekitar yang pertama, saya amat berharap pusat pengajian ini akan terus berjaya pada masa hadapan dalam apa juga bidang yang menjadi teras pusat pengajian. Saya berharap dalam 10 tahun, kita akan berjaya melahirkan graduan-graduan yang diterima baik oleh industri. Saya juga berharap dalam tempoh ini alumni-alumni PPK Alam Sekitar akan kembali membantu pusat pengajian dan boleh memberi sumbangan sama ada dalam bentuk idea dan pengalaman untuk dikongsi bersama pelajar-pelajar pada masa tersebut.

**Selain sebagai Dekan PPK Alam Sekitar, saya juga dikhabarkan bahawa Dr. juga telah dilantik sebagai Timbalan Komandan bagi SUKSIS UniMAP. Bolehkah Dr. ceritakan mengenai sejarah penubuhan SUKSIS ini.**

Kor Sukarelawan Siswa-Siswi Polis atau singkatannya SUKSIS mula ditubuhkan di UniMAP Sekitar April 2007 dan mula membuat pengambilan pertamanya pada Julai 2007. Kor SUKSIS ditubuhkan berdasarkan Akta Polis 1967 dan pelancaran Kor SUKSIS UniMAP telah di buat secara rasmi oleh Tan Sri Ismail Omar, Timbalan Ketua Polis Negara pada pada 10 April 2008 di Dewan Kapitol UniMAP. Pada majlis tersebut 4 pegawai Kehormat yang terdiri dari kalangan kakitangan UniMAP telah dilantik untuk membantu anggota tetap PDRM dalam tugas-tugas melatih anggota Kor SUKSIS.

**Mengapa SUKSIS perlu ditubuhkan di IPTA dan adakah penubuhannya mencapai objektif?**

Penubuhan SUKSIS adalah bertujuan untuk menyokong hasrat Mantan Perdana Menteri iaitu Tun Abdullah Ahmad Badawi yang mahukan ilmu kepolisian seperti undang-undang dan khidmat masyarakat diberikan kepada graduan agar mereka dapat membantu PDRM dalam memberi

khidmat kepada masyarakat dan pencegahan jenayah.

Walaupun Kor SUKSIS baru setahun jagung, matlamat penubuhannya telah berjaya di capai. Jika dilihat dari segi membantu Universiti, 'kewujudan' atau 'keberadaan' SUKSIS boleh dilihat dengan jelas di majlis-majlis anjuran universiti seperti sukan, minggu suaikenal, pesta konvokesyen dan lain-lain lagi.

**Siapakah yang layak untuk menyertai SUKSIS dan apakah kelebihan dan kebaikan kepada mereka yang menyertai SUKSIS?**

Pengambilan anggota SUKSIS hanya terhad kepada 70 orang pelajar (2 platon) setiap tahun. Ini adalah berdasarkan bantuan logistik yang diberikan oleh Cawangan Pembantu, PDRM Bukit Aman. Sehingga kini Kor SUKSIS telah mempunyai seramai 172 orang anggota yang terdiri daripada 82 siswa lelaki dan 90 siswa perempuan.

Syarat pengambilan anggota SUKSIS adalah sama dengan syarat pengambilan anggota tetap PDRM. Ini adalah kerana anggota SUKSIS akan diberi kelebihan untuk berkhidmat dengan PDRM selepas mereka bergraduasi kelak.

Banyak kelebihan diperolehi dengan menyertai Kor SUKSIS. Antaranya ialah apabila tamat latihan selepas 6 semester, mereka akan memakai pangkat Inspektor. Ini memberi kelebihan kepada graduan Kor SUKSIS berbanding dengan graduan yang memilih ko-kurikulum lain. Graduan kor SUKSIS bukan sahaja mendapat segulung ijazah, malahan ditauliahkan sebagai Inspektor sukarela (PVR) dan boleh membantu penugasan PDRM dimana-mana IPK negeri yang memerlukan khidmat mereka. Anggota SUKSIS juga turut menikmati elaun latihan dan pakaian sepanjang 6 semester mereka mengikuti latihan Kor SUKSIS di UniMAP.

**Apa pandangan peribadi Dr. mengenai masa depan SUKSIS?**

Sebagaimana hasrat Dato' Naib Canselor, penubuhan badan-badan beruniform seperti SUKSIS, PALAPES, PBSM dan lain-lain lagi di UniMAP adalah bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan, disiplin, semangat kerja berpasukan dan jati diri kepada semua pelajar yang menyertainya. Sekiranya ini berjaya dicapai, maka UniMAP berjaya menghasilkan graduan dan bakal pemimpin yang bersahsiah tinggi untuk kebaikan negara. Saya yakin Kor SUKSIS mempunyai masa depan yang cerah apabila ia mula menghasilkan kumpulan pegawai pertamanya pada Jun 2010.